

30/01/2003

Majlis serah tiga resolusi kepada Sultan Kelantan

KOTA BHARU: Majlis Tindakan Rakyat Kelantan (MTRK) semalam menyerahkan tiga resolusi yang diluluskan pada mesyuarat agung pertamanya Sabtu lalu kepada Sultan Kelantan, termasuk mengenai sekolah agama rakyat (SAR).

Ia diserahkan ketika barisan Ahli Jawatankuasa MTRK menghadap Sultan Kelantan dan Raja Perempuan, diketuai presidennya, Datuk Ibrahim Ali, di Istana Negeri, Kubang Kerian, di sini.

Resolusi lain ialah menjunjung kasih kepada baginda berdua sebagai payung negeri dan ketua agama serta adat istiadat Melayu Kelantan dan terima kasih kepada Kerajaan Pusat dan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai pemimpin negara yang berwibawa.

Resolusi mengenai SAR, antara lain menggesa semua pihak, terutama parti politik tidak menjadikan isu SAR untuk mencari kepentingan politik kepartian, memainkan sentimen dan emosi rakyat yang boleh merugikan masa depan pendidikan anak bangsa serta menjurus ke arah perpecahan umat Melayu Islam secara berterusan.

Selain itu, resolusi mencadangkan Kerajaan Pusat mengemaskinikan dasar pendidikan negara bagi memastikan semua rakyat mengikut satu sistem persekolahan/pendidikan mulai prasekolah hingga ke peringkat menengah serta mencadangkan supaya semua sekolah dan institusi pendidikan diletakkan di bawah pengawalan Kementerian Pendidikan.

Usul itu juga menggesa Kerajaan Pusat mengambil apa juga tindakan yang difikir wajar, bertanggungjawab dan rasional bagi menyelamatkan masa depan pendidikan murid SAR.

Usul khas menjunjung kasih kepada Sultan dan Raja perempuan Kelantan antara lain menyatakan bahawa MTRK berikrar akan mempertahankan dan memperkasakan institusi raja sebagai ketua agama dan adat istiadat Melayu Kelantan seperti termaktub dalam perlembagaan Undang-undang Tubuh Kerajaan Kelantan.

Sementara usul terima kasih kepada Kerajaan Pusat menyatakan bahawa MTRK mengesahkan kepimpinan Perdana Menteri yang berpandangan jauh dalam perjuangan menegakkan Islam sebagai teras perjuangan bangsa, agama dan negara yang bermaruah.